

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN NO. 57**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang menghadapi masalah padang tidak dapat diguna pakai. Apakah punca permasalahan ini dan langkah Kementerian untuk menyelesaikan permasalahan ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan sumber perangkaan sehingga 31 Disember 2018, didapati hanya 50 buah sekolah (0.73%), mempunyai padang berstatus amat kritikal dan tidak sesuai untuk kegunaan sebarang aktiviti sukan dan boleh memberi implikasi terhadap aspek keselamatan murid-murid. Keadaan padang berstatus kritikal pada umumnya mempunyai masalah seperti permukaan padang yang tidak rata atau beralun, berpayau atau sentiasa berair dan tidak diliputi rumput sepenuhnya.

Antara punca berlaku permasalahan tersebut adalah disebabkan oleh faktor seperti binaan asal padang tidak mempunyai sistem saliran perpaipan bawah tanah (*drainage system*), ketiadaan sistem saliran di sekeliling padang dan permukaan padang yang terlalu padat yang menjejaskan tahap resapan air jika berlaku hujan. Di samping itu, terdapat juga beberapa buah padang berkenaan yang terjejas disebabkan sering

## **NO. SOALAN: 57**

berlaku kejadian banjir yang boleh merosakkan permukaan padang sedia ada.

Sebagai langkah untuk memastikan keadaan padang di sekolah berada dalam keadaan baik dan kondusif, pihak KPM melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melaksanakan pemantauan berterusan terhadap kemudahan padang di sekolah. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian juga menyediakan sejumlah peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan atau naik taraf kemudahan sukan termasuk padang, secara berperingkat mengikut keutamaan melalui Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun atau peruntukan anggaran belanja mengurus tahunan.

RT07/57